

02/10/2002

Bioven Holdings, Herber Biotec jalin usaha sama

Nor Liza Ahmad; Maizura Ismail

BIOVEN Holdings Sdn Bhd (Bioven Holdings) menjalinkan perkongsian strategik dengan Herber Biotec SA dari Cuba dengan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama untuk menerokai bidang bioteknologi.

Bioven Holdings akan memegang 70 peratus kepentingan dalam syarikat usaha sama itu, manakala bakinya oleh Herber Biotec.

Syarikat usaha sama itu yang dikenali sebagai Herber Bioven Sdn Bhd (Herber Bioven) akan terbabit dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemasaran, dan pengeluaran produk bioteknologi.

Ketiga-tiga kegiatan itu bagaimanapun akan dilaksanakan secara berperingkat.

Pengerusi Bioven Holdings, Mukhriz Mahathir, berkata sebagai permulaan, Herber Bioven akan memasarkan rangkaian ubat-ubatan yang dihasilkan CIGB, seperti vaksin terapeutik dan rawatan untuk penyakit barah di negara ini dan negara Asean lain.

"Herber Bioven sudah memperoleh hak francais bagi mengedar dan memasarkan produk ubat-ubatan keluaran CIGB, tetapi masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan untuk memasarkannya di negara ini," katanya.

Mukhriz berkata, syarikat usaha sama itu kemudiannya akan menerokai kegiatan R&D dalam bidang bioteknologi dengan menggabungkan kepakaran penyelidik dari Malaysia dan Cuba.

Bagi tujuan itu, Herber Bioven akan bekerjasama dengan universiti tempatan bertujuan mengembangkan lagi industri bioteknologi negara.

"Setakat ini, Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC) sudah mengesahkan untuk menyertai kegiatan R&D yang akan dijalankan Herber Bioven itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai perjanjian usaha sama di antara Bioven Holdings dan Herber Biotec itu di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu Mukhriz mewakili Bioven Holdings, manakala Herber Biotec oleh Ketua Bahagian Perkilangan CIGB, Dr Merardo Pujol.

Ia disaksikan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Mukhriz berkata, untuk jangka panjang, Herber Bioven bakal memperoleh hak harta intelek bagi mengeluarkan produk Herber Biotec di Malaysia.

Beliau menegaskan, Herber Bioven bercadang mendapatkan sumber kewangan daripada geran bagi kegiatan bioteknologi yang diperuntukkan kerajaan.

Bioven Holdings yang ditubuhkan awal tahun ini dengan modal berbayar RM10,000 komited untuk mengembangkan kegiatan R&D dalam bidang bioteknologi menerusi usaha sama dengan syarikat R&D antarabangsa.

Mukhriz berkata, syarikat itu memilih Herber Biotec sebagai rakan kongsi strategik kerana ia mempunyai pencapaian baik dalam industri bioteknologi.

Herber Biotec yang berpangkalan di Havana, adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan Pusat Bagi Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi (CIGB), Cuba bagi mengedar dan memasarkan rangkaian ubat-ubatan keluarannya.

Beliau berkata, sejajar usaha mengembangkan lagi industri bioteknologi di negara ini, Herber Bioven melihat peluang untuk mengadakan usaha sama dengan institusi R&D Cuba lain pada masa depan.